Penguatkuasaan 100% Penggunaan Produk Biodegradasi di Wilayah Persekutuan

BERMULA 1 SEPTEMBER 2017

Caj tidak boleh dikenakan untuk beg plastik biodegradasi

Di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan 1 Wilayah Persekutuan

DAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Notis bertulis telah dikeluarkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan kepada semua **pemegang lesen/ pemohon lesen di Wilayah Persekutuan** bermula **Disember 2016.**

JENIS HUKUMAN seperti pembatalan lesen, penalti/denda, lucut hak deposit, penjara, penyitaan dan kompaun.

7 Teras Pelan Tindakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan

Pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan merupakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan di bawah **Teras 7: Pengurusan Sisa Pepejal**

Inisiatif oleh:

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Informasi

Penggunaan Produk Biodegradasi di Wilayah Persekutuan

Dengan kerjasama:

dan rakan-rakan pembekal Kementerian Wilayah Persekutuan

Bahagian Pembangunan Strategik
Kementerian Wilayah Persekutuan

Tujuan Inisiatif Penggunaan Produk Biodegradasi di Wilayah Persekutuan:

- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman plastik dan polistirena terhadap kesihatan masyarakat, alam sekitar dan kehidupan liar.
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar melalui pengurangan penggunaan bahan plastik dan polistirena di Wilayah Persekutuan.
- Mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal plastik.
- Menggalakkan pembangunan industri pengeluaran produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan dan mewujudkan peluang pekerjaan dan industri baharu.

Apakah Itu Produk Biodegradasi?

Mudah kompos | Sumber bahan *recycle* | Sumber tumbuhan | Teknologi hijau

Produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan perlu mendapatkan **pensijilan Standard SIRIM** untuk **ECO 001:2016** dan **ECO 0092016.**

Produk Plastik Biodegradasi *(Biodegradable Plastic)* ECO 001:2016

JENIS PENGGUNAAN PRODUK BIODEGRADASI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Semua Jenis Produk Berasaskan Tumbuhan *(Plant-Based)* ECO 009:2016

Tempoh biodegradasi = Dari 3 bulan sehingga maksimum 5 tahun

Ancaman Penggunaan Polistirena dan Plastik

ALAM SEKITAR

- Pencemaran.
- Ancaman kepada hidupan darat dan marin (Termakan/ terjerut).
- Tidak terurai/ ambil masa untuk terurai.

KESIHATAN

- Bahan kimia berbahaya (Stirena, benzin dan lain-lain).
- Risiko kanser.
- Boleh mengganggu fungsi paru-paru, saraf dan otak.
- Pelbagai risiko penyakit.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- Kos tinggi dan perlukan ruang pelupusan yang besar.
- Tidak dikitar semula.

"Bisphenol A (BPA), bahan kimia yang terdapat pada botol plastik dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan; termasuk kanser, masalah saraf, masalah kesuburan pada wanita, bayi pramatang dan kecacatan pada bayi baru lahir."
- onegreenplanet.org

"Stirena (bahan membuat polistirena) dikelaskan sebagai agen penyebab kanser."

"Karsinogen, bahan kimia yang terdapat pada polistirena boleh menyebabkan pelbagai jenis kanser, termasuk kanser prostat dan payudara."

- Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa (IARC), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)